



Gerai pameran inovasi pelajar pada I-REKA 2015.

I-REKA tonjol produk Islam

Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi (I-REKA) 2015 bagi mencungkil bakat dan kreativiti pelajar dalam bidang penyelidikan berteknologi Islam.

Pertandingan disertai 103 peserta dalam kalangan pelajar USIM dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu mempromosikan pelbagai produk dan inovasi Islam dalam lapan kategori berbeza.

Kategori terbabit ialah sains gunaan dan tulen, kejuruteraan dan teknologi, sains kesihatan dan klinikal, sains sosial, inovasi pendidikan, inovasi sosial, teknologi maklumat dan



Sebahagian daripada **pelajar yang menyertai I-REKA 2015.**

komunikasi serta reka bentuk kreatif.

Aplikasi pengetahuan I-REKA 2015 yang sebelum ini dikenali sebagai Pertandingan Inovasi Pelajar

USIM (SIC) itu turut memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi semasa dalam kuliah untuk mencipta inovasi demi pemba-

FAKTA NOMBOR

103
peserta

menyertai pertandingan Reka Cipta dan Inovasi (I-REKA)

ngunan ummah.

Juara I-REKA 2015 menjadi milik kumpulan pelajar Fakulti Pengajian Quran Sunah menerusi inovasi bertajuk 'Braille for All'.

Majlis perasmian disempurnakan Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad.